



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
SEBERANG PERAI TENGAH
BUKIT MERTA JAM**

TEL: 04- 5488888

**IKLAN
SEWAAN GERAI**

Tarikh : 13 Januari 2021

Tuan / Puan,

**PELAWAAN SEWAAN GERAI BLOK A, NO. 2 DESA WAWASAN, 14000
BUKIT MERTA JAM, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa terdapat **SATU (1)** kekosongan gerai di **Blok A, No. 2, Desa Wawasan, Bukit Mertajam**. Pelawaan ini dibuka untuk sewaan kepada semua Warganegara Malaysia yang berminat. Borang permohonan sewaan gerai boleh didapati daripada Unit Pembangunan Pejabat Daerah Dan Tanah, Seberang Perai Tengah.

3. Sila ambil maklum bahawa borang permohonan gerai tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti yang disediakan di Bahagian Ruang Lobi Kaunter Menunggu sebelah kaunter pertanyaan selewat-lewatnya **29 Januari 2021 (Jumaat) sebelum jam 12.00 tengah hari dan sebarang permohonan yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dipertimbangkan**. Sesi temuduga akan dijalankan bagi memilih penyewa yang layak pada tarikh yang akan ditetapkan kelak.

4. Sebarang maklumat lanjut bolehlah menghubungi Puan Zaiton binti Sapar, Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah di talian : 04-5488856.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

“ MENGUTAMAKAN PELANGGAN MERAKYATKAN PERKHIDMATAN ”

Saya yang menjalankan amanah,

(KAMARUL HAIZAL BIN KODERAT)

Pegawai Daerah

Seberang Perai Tengah

Bukit Mertajam

☎ : 04-5408801

✉ : kamarulhaikal@penang.gov.my